

# Pengaruh Islam Terhadap Teks Melayu dan Undang-undang Melayu

Mohd. Alwee Yusoff

## *Abstract*

*The writer elaborates how the Arabic language and Islam have their influence on the Malay language in the aspects of vocabulary, alphabetical and grammatical; on the various genre in the Classical Malay Literature as well as the legal texts.*

Memang tidak dapat dinafikan Islam telah mempengaruhi pemikiran dan kebudayaan orang-orang Melayu, terutamanya dalam aspek bahasa dan sastra Melayu. Salah satu daripada pengaruh Islam terhadap bahasa dan sastra ialah melalui bahasa Arab. Bahasa Arab sememangnya mempunyai pengaruh yang besar kepada bahasa dan sastra Melayu. Pengaruh ini berlaku dalam tiga aspek iaitu abjad tulisan, tatabahasa dan perbendaharaan kata.

Dengan kedatangan Islam yang membawa bersamanya abjad Arab, tatabahasa dan perbendaharaan katanya - di samping pendidikan Islam - telah meningkatkan taraf bahasa Melayu sebagai alat pengucapan intelektual dan sekaligus menjadi bahasa perantaraan di Nusantara. Ini kerana, sebelum kedatangan Islam tidak ada sebarang bahasa yang layak memainkan peranan yang penting ini selain daripada bahasa Melayu. Seterusnya bahasa Melayu dapat menyaingi malahan mengatasi bahasa Jawa kuno di dalam meraih tempat sebagai bahasa *lingua franca* di rantau ini. Bahasa Melayu telah dapat mempertemu dan menyatukan berbagai bangsa yang serumpun di Nusantara iaitu yang mempunyai antara 150 hingga 200 bahasa yang dipertuturkan oleh penduduk-penduduknya. Mereka dapat berinteraksi antara satu sama lain melalui bahasa Melayu. Setelah kedatangan Islam, terdapat pula pengaruh India melalui bahasa Sanskritnya. Walau bagaimanapun, dalam persaingan ini, akhirnya bahasa Melayu telah menjadi bahasa ilmu dan seterusnya menjadi bahasa pengantar di rantau ini.

Di antara faktor peningkatan taraf bahasa Melayu sehingga menjadi bahasa pengantar, selain daripada abjad Arab yang menjadi abjad tulisan Melayu (Jawi) dan

pemerasaan perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu ialah sifat bahasa Melayu sendiri yang mudah menerima perubahan dan perkembangan baru sejajar dengan tuntutan masa.<sup>1</sup> Ini tidak terdapat pada bahasa Jawa kerana wujudnya semangat kejawaan yang tebal. Dalam hal ini bahasa Melayu menjadi pilihan yang tepat sebagai *lingua franca* dan bahasa ilmu pengetahuan bagi penduduk-penduduk di rantau Alam Melayu. Rentetannya, skrip Melayu yang diambil dari India<sup>2</sup> telah diganti dengan skrip baru yang dikenali sebagai “*skrip Jawi*”.

### Abjad Tulisan

Aspek yang paling ketara pengaruh Arab terhadap bahasa Melayu ialah abjad tulisan, di mana pengambilan kesemua abjad Arab menjadi abjad tulisan Melayu (Jawi), iaitu serentak dengan tersebarnya agama Islam ke Nusantara pada abad ke-7 dan ke-8 Masihi.

Sungguhpun sebelum kedatangan Islam ke Alam Melayu, bahasa Melayu telah pun memiliki abjad dan sistem tulisannya sendiri, iaitu tulisan Palava seperti yang ditemui pada prasasti-prasasti di Kedukan Bukit (638M), Talang Tuwo (684M), Kota Kapur (686M) dan di Kerang Brahi (686M),<sup>3</sup> tetapi sistemnya tidaklah praktis<sup>4</sup> seperti tulisan Jawi Melayu yang berasal daripada huruf-huruf Arab dan Parsi yang telah lama digunakan sebagai tulisan rasmi Melayu. Bahkan “*Sejarah Melayu*” bermula dengan tulisan Jawi,<sup>5</sup> iaitu serentak dengan kelahiran beberapa buah kerajaan Melayu-Islam silam. Hakikat ini jelas terbukti melalui makam-makam diraja Melayu-Islam yang terdapat di Pasai, Aceh Besar, Daya dan Geresik (Jaya) yang mana nesannya diperbuat daripada batu pualam bertulis huruf-huruf Arab/Jawi.<sup>6</sup>

### Tatabahasa

Aspek kedua dari pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu ialah tatabahasa, di mana kemasukan ciri-ciri tatabahasa bahasa Arab dan *balaghahnya* ke dalam kaedah tatabahasa bahasa Melayu jelas terlihat dalam tatabahasa Melayu lama.

Di samping itu salah satu aspek penting dalam tatabahasa ialah “*bentuk kata*”, iaitu yang dikenal sebagai “*morfologi*” selain daripada tulisannya.

Yang pertama, bahasa Melayu mempunyai persamaan sifat dengan bahasa Arab dari segi linguistik, di mana bahasa Melayu dan bahasa Arab tergolong sebagai *oligo-sintesis*, di mana semua atau hampir semua perbendaharaan kata boleh dibentuk daripada kata dasar yang sedikit jumlahnya. Misalnya dari kata dasar ilmu (Arab: ‘ilm) dapat dipecahkan sekurang-kurangnya kepada lapan atau lebih (khususnya bahasa Arab) pecahan perkataan berikut:

'alima	( علم )	=	tahu/mengetahui
'alama	( علم )	=	mengajar
ta'allama	( تعلم )	=	belajar
ista'lama	( استعلم )	=	minta diajar/mempelajari

### *Pengaruh Islam Terhadap Teks Melayu dan Undang-undang Melayu*

'alim	( علم )	=	berpelajaran
'allahamah	( علامة )	=	sangat terpelajar
mu'allim	( معلم )	=	pengajar
ta'lim	( تعليم )	=	pengajaran

Ciri-ciri ini tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain selain bahasa Melayu dan bahasa Arab. Dalam bahasa Inggeris, misalnya, perkataan “*teach*” yang mempunyai kata dasar yang maknanya seakan-akan mengajar dalam bahasa Melayu atau ‘*allama*’ dalam bahasa Arab cuma didapati empat pecahan sahaja, iaitu “*teacher*” (guru), “*teaching*” (mengajarkan), “*teachable*” (boleh diajar) dan “*teachability*” (kebolehan menerima ajaran).<sup>7</sup>

Perubahan bentuk kata dalam bahasa Melayu yang sebegitu rupa, sebenarnya hasil dari pengaruh Islam (di mana bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya), iaitu yang mempunyai pertalian yang kukuh dengan pertapakannya di Nusantara yang menjadikan bahasa Melayu *lingua franca* yang tunggal di rantau ini, bahkan sebagai bahasa sarjana dan para cendekiawan yang terkemuka<sup>8</sup> sehinggakan bahasa Jawa juga tunduk kepada kekuatan bahasa Melayu, di mana cerita-cerita panjipun terpaksa diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk menyebarkan kebudayaan Jawa.<sup>9</sup>

Aspek kedua dari Tatabahasa ialah “Kaedah Penulisan” di mana kemasukan ciri-ciri tatabahasa Arab ke dalam kaedah tatabahasa Melayu terlihat dalam tatabahasa Melayu lama, iaitu antara lainnya ialah yang diperkenalkan oleh Pendita Za’ba yang termuat dalam kedua-dua karyanya, *Pelita Bahasa Melayu* dan *Ilmu Mengarang Melayu*; malahan sebenarnya banyak lagi boleh dimanfaatkan daripada tatabahasa Arab untuk pembinaan dan pengukuhan bahasa Melayu, sama ada kaedah tulisan atau penggunaan ayat-ayat sebagaimana yang diambilpakai oleh para ulama silam selain dari ilmu *balaghah* Arab yang menggunakan bahasa yang indah dan berbunga-bunga yang sudah tentunya dapat memberikan sumbangan ke arah meningkat mutu gaya bahasa serta pemilihan kata-kata yang sesuai dan menarik untuk digunakan dalam karya bahasa dan sastra Melayu.

### **Perbendaharaan Kata**

Pengaruh Islam yang lain terhadap pembinaan perbendaharaan kata dan perkembangan bahasa Melayu ialah melalui perbendaharaan kata Arab. Dari kalangan bahasa-bahasa asing yang dipinjamakai oleh bahasa Melayu seperti Sanskrit, Tamil, Hindustan, Arab, Parsi, China, Jawa, Portugis, Belanda dan Inggeris,<sup>10</sup> bahasa Arab menduduki tempat yang pertama, manakala bahasa-bahasa Sanskrit, Parsi dan sebagainya berada pada kedudukan-kedudukan kedua, ketiga dan seterusnya. Ini adalah sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa Islam yang kelima pentingnya selain daripada bahasa Arab, Parsi, Turki dan Urdu.<sup>11</sup>

Kemasukan perkataan-perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu adalah hasil daripada pertembungan kebudayaan antara Timur Tengah dan Alam Melayu yang berjalan seiring dengan proses islamisasi di rantau ini.<sup>12</sup> Berikutnya bahasa Melayu telah

diresapi oleh lebih daripada 2,000 perkataan Arab yang utama (tidak termasuk ribuan lagi kata-kata terbitannya).<sup>13</sup> Perkataan-perkataan yang mengenai agama dan pentadbiran merupakan yang terbanyak. Selain dari itu ialah istilah-istilah berkenaan dengan pendidikan dan sains.

### **Sastera Melayu**

Kedatangan Islam telah membawa bentuk sastera tulisan yang sekaligus melahirkan persuratan Melayu sehingga sastera yang berasal dari zaman Hindu telah ditulis dengan tulisan Jawi.<sup>14</sup>

Dengan terwujudnya satu bahasa umum di Alam Melayu, maka berkembanglah kesusasteraan Melayu di rantau ini. Kesusasteraan atau persuratan Melayu yang tergolong ke dalam “*Sastera Klasik*” dapat dibahagikan kepada beberapa kategori berikut:

- (1) Karya-karya yang bercorak agama seperti tauhid, fekah, tafsir, hadith, usuluddin, tasauf dan sebagainya. Karya-karya seumpama ini banyak dihasilkan oleh para ulama silam seperti Syekh Dawud al-Fatani (1738-1850M) dan lain-lain.<sup>15</sup>
- (2) Sastera hikayat atau *belles letresi* atau *adab* seperti Hikayat Nabi Muhammad, Hikayat Para Nabi, Hikayat Pahlawan-Pahlawan Islam, Hikayat Orang-orang Soleh atau Sufi dan sebagainya.
- (3) Tulisan-tulisan lain yang bercorak sejarah, undang-undang, cerita-cerita Panji, cerita-cerita berbingkai, epik-epik Ramayana dan Mahabharata, sastera rakyat, sama ada yang berbentuk prosa ataupun puisi, jampi mentera dan sebagainya. Kategori pertama (1) kesemuanya adalah dipengaruhi oleh Arab-Islam, manakala kedua-dua kategori (2) dan (3) kebanyakannya adalah dipengaruhi oleh Arab-Parsi.

Oleh itu, kedatangan Islam tidak hanya sekadar mengembangkan bahasa dan sastera Melayu, tetapi juga telah membentuk konsep Melayu sebagai bangsa yang beridentiti di rantau ini, di samping menyempurnakan keperibadian sendiri atau fahaman kebangsaan terhadap masyarakat Melayu-Indonesia.<sup>16</sup> Bahkan lebih jauh dari itu, ia mengembalikan konsep bangsa Melayu yang tidak terpisah daripada agama Islam bahkan telah diterima dan dimaktubkan dalam perlembagaan negara.<sup>17</sup>

### **Pengaruh Arab-Parsi**

Jika kita menerima pendapat bahawa yang dimaksudkan dengan pengaruh Parsi di Nusantara ini ialah juga pengaruh Islam, atau lebih tepat lagi sebagai “pengaruh Arab-Parsi”, maka kita tidak dapat menafikan bahawa ia juga turut memberi sumbangan yang besar terhadap pembentukan sastera Melayu, iaitu dalam genre sastera klasik, malah dapat dikatakan bahawa tidak ada sastera Melayu yang berunsurkan Islam tanpa pengaruh ini.

Pengaruh ini dapat dikesan, selain dalam perbendaharaan kata ialah dalam kategori-kategori berikut:

- (a) Tradisi doa,
- (b) Jampi-mentera,
- (c) Rawatib arwah dan
- (d) Sastera Melayu Klasik

#### **(a) Tradisi Doa**

Di dalam usaha untuk menolak bala atau penyakit yang berjangkit, seperti taun, orang Melayu sering mengucapkan ungkapan berikut:

لى خمسة أطفى بها حر الوباء الحاطمة  
المصطفى والمرضى وابناهما والفاطمة

Ertinya:

*“Bagiku lima dengannya kupadamkan penyakit, Nabi terpilih, Ali yang diredhai Fatimah dan kedua-dua anak mereka”.*

Pada akhir doa Kumail disebutkan:

صل على محمد وآل محمد وافعل بي  
ما أنت أهله وصلى الله على رسوله  
والأئمة الميامين من آله وسلم تسليما

Ertinya:

*“Sampaikan salamku kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, lakukan padaku apa yang layak bagiMu. Semoga Allah melimpahkan kesejahteraan kepada rasul-Nya serta para imam yang mulia dari keluarganya, Sampaikan salam kepada mereka itu”.*<sup>18</sup>

#### **(b) Jampi Mentera**

Untuk mendapatkan kekuatan fizikal yang luar biasa, kita dapati orang Melayu mengucapkan mentera berikut:

*Bismillahir-rahmanir-rahim!*

Urut batu menikam batu

Batu ditikam, batu belah

Papan ditikam, papan timbus

Air ditikam, air kering

Bumi ditikam, bumi tembok

Rumput ditikam, rumput layu  
Gunung ditikam, gunung runtuh  
Tegak terdiri di halaman 'Ali  
Sifat aku sifat 'Ali  
Sifat di dalam kandang kalimah  
*La ilaha illa Allah!*  
Hu Allah hu Allah!  
Lesung besi, anak tembaga  
Ah, kuat aku seperti baginda 'Ali!  
Gagah aku seperti Umm Fatimah!  
Aku besi, tulang aku tembaga  
Aku bernama harimau Allah  
Ha! Berkat kata *La ilaha illa Allah*.<sup>19</sup>

#### (c) Rawatib Kenduri Arwah

Di dalam setiap rawatib kenduri arwah kita tidak pernah luput daripada menyebut sepotong ayat al-Qur'an al-Karim seperti dalam firman Allah yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah ingin menghilangkan (segala) kenistaan daripadamu wahai Ahl al-Bayt sebersih-bersihnya".*<sup>20</sup>

(Al-Ahzab: 33)

#### (d) Sastera Melayu Klasik

Kegiatan sastera Melayu dan pengaruh Arab-Parsi telah pun wujud sebelum kedatangan Islam lagi sehingga apa yang kita gelarkan "*Sastera Melayu Klasik*" kini adalah ekoran daripadanya. Kerajaan Srivijaya, satu-satunya empayar Melayu yang muncul dalam kawasan percakapan Melayu sebelum kedatangan Islam telah memperlihatkan kegiatan sastera Melayu ke suatu tahap yang membanggakan. Dari peninggalan sejarah terdapat satu manuskrip dalam huruf rancang yang asli yang merupakan satu-satunya inskripsi yang ditemui yang menunjukkan bahasa Melayu mendahului bahasa Sanskrit sebagai bahasa rasmi yang lebih awal di Jawa.<sup>21</sup>

Bagaimanapun, perubahan yang menyeluruh berlaku setelah kedatangan Islam dan kebudayaan Arab-Parsi menjadi lebih bererti kepada "Dunia Melayu" di Nusantara. Natijahnya orang-orang Melayu di Tanah Melayu (Malaysia Barat), orang-orang Aceh di Sumatera dan orang-orang Ternate di Maluku sehingga ke masa ini, pada keseluruhannya menggunakan huruf tulisan 'Arab-Parsi (Jawi), manakala daerah-daerah lain di rantau ini masih kekal, samada mereka menggunakan abjad atau skrip asli India.<sup>22</sup>

Sastera Melayu klasik yang menggunakan skrip Arab-Parsi ini bermula dengan kitab-kitab (Jawi), hikayat-hikayat, cerita-cerita rakyat, sejarah atau salsilah, kitab-kitab petunjuk raja-raja, tulisan-tulisan sejarah, hukum kanun dan syair.

### **Sastera Istana/Adab**

Ada sejumlah karya yang dihasilkan bertujuan untuk menasihati atau menghibur dikenali dengan istilah “*adab*” dalam sejarah sastera Arab dan Parsi. Ia memaparkan kisah-kisah dan peristiwa-peristiwa di sekitar istana khususnya mengenai sultan seperti *Bustan al-Salatin* dan *Taj al-Salatin* yang tidak pernah dinamakan “*kitab*”<sup>23</sup> atau “*hikayat*”,<sup>24</sup> bahkan sejarah atau silsilah<sup>25</sup> juga dapat digolongkan ke dalam sastera yang berpengaruh Islam.

Dari sejumlah besar karya-karya Melayu lama yang dihasilkan di antara tahun-tahun 1400 Masihi hingga 1650 Masihi adalah tergolong dalam cerita raja-raja, karya-karya sejarah dan hukum kanun, maka ciri-ciri Parsi sememangnya didapati dalam karya-karya berkenaan, kerana penulis-penulis istana cuba memenuhi selera raja-raja Melayu yang suka berbangga-bangga dengan nenek moyang mereka dari Raja Iskandar Zulkarnain dan keturunan Parsi. Karya-karya di atas digolongkan ke dalam sastera istana atau *adab*, kerana karya-karya sejarah atau silsilah dan kitab-kitab petunjuk raja-raja, misalnya, lazimnya hanya tumbuh di sekitar istana sahaja. Bahkan banyak karya-karya seumpama ini seperti *Sejarah Melayu* telah disesuaikan dengan selera dan keperluan raja-raja khasnya raja Melaka. Karya-karya yang berunsur jenaka, hiburan dan dedaktif ini disusun untuk pembaca-pembaca yang sama yang bertujuan untuk membentuk budi pekerti dan moral melalui bahan-bahan yang sama berdasarkan episod-episod sejarah Islam yang mengandungi prinsip-prinsip pemerintahan, perundangan dan akhlak raja-raja.<sup>26</sup> Karya-karya ini mengandungi fenomena yang seragam, iaitu yang merupakan sejenis sastera yang biasa terdapat di kebanyakan negeri-negeri umat Islam. Sungguhpun ia berasal dari Parsi-India, kemudian tersebar ke negeri-negeri Arab, tetapi cerita-cerita dalam bentuk ini yang terdapat di Nusantara adalah datang dari Parsi, iaitu yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu.<sup>27</sup>

Di antara karya-karya yang paling mashyur ialah *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*. Pengaruh Arab/Parsi dalam kedua-dua karya ini adalah ketara sekali seperti<sup>28</sup> juga *Hikayat Aceh* yang tergolong ke dalam genre ini.

Selain daripada itu ialah tulisan-tulisan yang mengenai adat atau undang-undang iaitu yang pada mulanya tidak dikategorikan ke dalam senarai prosa atau undang-undang, tetapi jarang lahir dan berkembang di luar istana.<sup>29</sup>

### **Genre Kitab**

Karya-karya Melayu lama yang dikenal sebagai manuskrip-manuskrip Jawi-Melayu (selain dari kitab-kitab fikah dan tauhid yang dihasilkan oleh para ulama silam), kebanyakannya yang didapati di Nusantara lazimnya berupa terjemahan atau sekurang-kurangnya adaptasi atau susunan kitab-kitab yang berasal daripada Arab atau Parsi. Ciri-ciri ini jelas didapati pada sebuah kitab dalam bahasa Melayu yang tertua, iaitu yang dikenali sebagai “*Kitab Seribu Masa’il*” yang diedit oleh Profesor Pijper dan dibuktikan bahawa ia adalah terjemahan daripada karya Parsi.<sup>30</sup>

Kitab ini mengandungi kisah Nabi (s.a.w.) yang dihadapkan dengan berbagai



soalan oleh seorang Yahudi yang kemudian menganut Islam setelah ia berpuas hati dengan jawapan baginda. Kitab ini disalin ke bahasa Melayu dari bahasa Parsi. Sungguhpun kitab ini tidak masuk akal pada orang Barat, tetapi orang-orang Melayu menganggapnya sebagai karya suci.

Karya lain yang tergolong ke dalam genre “kitab” yang mempunyai pengaruh Arab/Parsi ialah yang dihasilkan oleh Hamzah Fansuri (m. 1625/1534M) dalam abad ke-16, iaitu Kitab *Syarah al-‘Asyikin Zinat al-Muwahhidin*, Kitab *Asrar al-‘Arifin Fi Bayan ‘Ilm al-Suluk wa al-Tawhid* dan *Kitab al-Muntaha*. Tema atau jalan cerita kitab-kitab ini menyerupai karya-karya asli Sufi Parsi, terutama *Jami’* (m. 1492M), kerana pengarangnya mendapat pengaruh langsung daripada tokoh sufi yang terkenal itu, apa lagi banyak pula petikan-petikan Parsi di dalam ketiga-tiga karya tersebut.

### Genre Hikayat

Selain dari kitab-kitab, hikayat-hikayat juga diresapi pengaruh Arab dan Parsi. Sebahagian daripada kandungan kedua-dua, “*Hikayat Amir Hamzah*” dan “*Hikayat Muhammad Hanafiah*” terbukti terjemahan langsung daripada Parsi.

Yang berbeza antara versi Melayu dan versi Parsi hanya pada tajuk-tajuknya sahaja, di mana *Hikayat Amir Hamzah* dalam Parsi dikenal sebagai *Dastan-e-Amir Hamzah* dan Hikayat Muhammad Hanafiah dikenal sebagai *Gisse-ye-Muhammad-e-Hanafiah*.<sup>31</sup>

Antara karya-karya dalam kategori ini ialah seperti berikut:

- (1) *Hikayat Nur Muhammad*
- (2) *Hikayat Bulan Berbelah*
- (3) *Hikayat Nabi Bercukur*
- (4) *Hikayat Nabi Wafat*
- (5) *Hikayat Sirat al-Mustaqim*

Cerita *Hikayat Bulan Berbelah*, berdasarkan al-Qur’an (54:1-42), iaitu yang dianggap oleh para penulis Islam menonjolkan mukjizat Rasulullah (s.a.w.). Kemungkinan perkaitan karya ini dengan Parsi terlihat dalam karya asalnya dalam bahasa Arab yang berjudul *Tuhfat al-Mujahidin* karangan Zayn al-Din al-Malbari (m. 1583M) yang menghubungkan sejarah kedatangan Islam ke Malbar (Coromandel), India. Menurut cerita ini sejumlah orang-orang Islam dari Khurasan sedang dalam ziarah ke kemuncak Adam (Adam Peak) di Sri Lanka, dan sewaktu berada di Grannapoe mereka dibenarkan mendakwahkan Islam kepada raja Prumal. Ketua rombongan itu menggunakan pendekatan bercerita melalui kisah *Hikayat Bulan Berbelah* yang menyebabkan raja tersebut menganut Islam dan sekaligus membenarkan pertapakkan Islam di Malbar pada abad ke-9.

### Risalah Hukum Kanun

Kehadiran Islam di Nusantara membawa suatu perubahan yang besar kepada penduduk-



penduduk tempatan, samada dari segi kebudayaan maupun dari segi agama, di mana suatu peraturan atau undang-undang atau kanun tertentu telah wujud di samping syariat atau undang-undang Islam sendiri. Kanun ini merupakan undang-undang adat tempatan atau 'urf atau kelaziman setempat. Berhubung dengan ini Melaka merupakan negeri yang pertama sekali mengumpul dan mengadakan kanun seumpama ini, iaitu yang diberi nama '*Risalah Hukum Kanun*' atau 'Undang-Undang Melaka'.

Mengenai Undang-Undang Melaka yang dapat dirujuk selain teks sejarahnya, ialah kitab undang-undang yang setakat diketahui terbahagi kepada dua, pertama undang-undang negeri atau undang-undang kerajaan yang dikenal sebagai 'Hukum Kanun' atau 'Undang-Undang Melaka', kedua 'Undang-Undang Laut Melaka'.<sup>32</sup>

Undang-undang ini masih wujud sehingga ke hari ini dalam bentuk manuskrip yang ditulis di Riau, dan sebahagiannya di zaman Sultan Sulaiman Syah (1721-1760M).<sup>33</sup> Penyalinnya yang kemudian menghubungkannya dengan Sultan Mahmud Syah Melaka (1488-1511M) iaitu sultan Melaka yang terakhir; tetapi *Sejarah Melayu* dan lima daripada manuskrip-manuskrip itu menyatakan yang sebenarnya ia dibukukan oleh Sultan Muzaffar Syah (1446-1456M) yang mempunyai sebab untuk berbuat demikian, iaitu bagi menyesuaikan undang-undang Islam dengan berbagai amalan adat nenek moyang baginda. Berikutnya, undang-undang ini telah digunakan dengan meluas di negeri-negeri Melayu yang lain, dan salinan-salinannya didapati di Riau dan Pahang, Pontianak dan Brunei. Salinannya yang didapati di Brunei bertarikh 1709 Masihi iaitu yang mengandungi undang-undang yang dikuat-kuasakan pada zaman dahulu di Brunei.<sup>34</sup>

Satu lagi hukum kanun yang dihubungkan dengan Sultan Mahmud Syah Melaka ialah yang mengenai Undang-Undang Laut.<sup>35</sup> Hukum kanun ini digunakan oleh pedagang-pedagang Bugis dan Makasar.<sup>36</sup>

Selain dari itu didapati Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Kedah dan Hukum Kanun Perak. Sementara itu yang paling lengkap sekali ialah Hukum Kanun Perak, iaitu yang dikenali sebagai '*The Ninety Nine Law of Perak*' yang mungkin dibawa ke Tanah Melayu pada abad ke-17 Masihi oleh Sayyid Husayn al-Firadz dari kalangan pengikut Ahmad b. 'Isa al-Muhajir dan digunakan oleh beberapa generasi selepasnya. Kandungannya ketara sekali dipengaruhi oleh Parsi (Syi'ah), iaitu berbentuk soalan-soalan yang menyerupai soalan-soalan Naszirwan kepada menterinya Buzurgmihi.<sup>37</sup>

## **Syair**

Syair yang merupakan puisi Melayu asli tidak dapat dipastikan kewujudannya lebih awal daripada zaman Hamzah Fansuri (m. 1625/1630M).<sup>38</sup> Puisi Melayu yang tertua ini dapat dilihat pada syair-syair Hamzah Fansuri iaitu *Shair Dagang*, *Shair Si Burung Pincai*, *Shair Perahu* yang menampilkan keghairahan rapsodi ahli-ahli sufi Parsi.<sup>39</sup> Syair yang pertama kali diperkenalkan ke dalam Dunia Melayu adalah menyerupai *ruba'i* Parsi,<sup>40</sup> dan mungkin syair Melayu bermula dari *ruba'i* Hamzah, kerana orang-orang Melayu di rantau ini selain daripada menyebut *ruba'i* mereka juga menyebut syair.<sup>41</sup>

## Rumusan

Kedatangan Islam ke Alam Melayu (Nusantara) pada abad-abad yang lampau sekaligus membawa bersamanya abjad tulisan Arab iaitu yang menjadi induk kepada abjad tulisan Melayu (Jawi). Tulisan Jawi adalah salah satu daripada warisan 'Dunia Melayu' yang bersejarah kerana kehadirannya ke rantau ini selain merupakan titik tolak pemisahan dari zaman gelap (jahiliah) yang menyelubungi bangsa Melayu ke zaman terang benderang (Islam), samada dari segi agama, kebudayaan, politik, pendidikan atau lainnya.

Oleh kerana Islam menghormati ilmu pengetahuan yang merupakan salah satu dari kriteria kepimpinan dalam Islam, maka Islam telah memberi daya maju dan pembangunan mental dan fizikal kepada bangsa dan rumpun Melayu di rantau ini.

Kehadiran Islam ke Alam Melayu sememangnya mempunyai pengaruh yang besar terhadap penduduk-penduduk setempat, samada dalam bidang politik, sosial, ekonomi, kesenian, pendidikan, bahasa dan sastera. Namun demikian kedua-dua bidang yang terakhir, iaitu bahasa dan sastera lebih terserlah. Sesungguhnya sumbangan Islam dalam pembentukan dan perkembangan bahasa dan sastera Melayu amat besar, di mana dengan kemasukan abjad tulisan Arab menjadi abjad tulisan Melayu (Jawi), perbendaharaan kata, tatabahasa Arabnya bukan sahaja telah mempercepatkan pengaliran keilmuan Islam ke dalam Dunia Melayu, tetapi juga telah meningkatkan taraf bahasa Melayu sebagai alat pengucapan intelektual dan seterusnya menjadi bahasa perantaraan, *lingua-franca* di Nusantara dan seterusnya turut berkembanglah kesusasteraan Melayu di rantau ini. Kehadiran Islam tidak hanya sekadar mengembangkan bahasa dan sastera Melayu, tetapi juga telah membentuk 'konsep Melayu' sebagai bangsa yang beridentiti di rantau ini di samping menyempurnakan keperibadian sendiri (fahaman kebangsaan) terhadap masyarakat Melayu-Indonesia. Malahan lebih dari itu, ia telah mengembalikan konsep bangsa Melayu yang tidak terpisah daripada agama Islam yang telah diterima dan dimaktubkan dalam Perlembagaan Malaysia.

## Nota Hujung

1. Lihat Zainal Abidin Ahmad (ZA'BA), *Persuratan Melayu 3*, Ed. Al-Edrus (Singapura: Penerbitan Qalam, 1960), hlm. 189-190.
2. Russel Jones, *Encyclopedia of Islam*, (1971), Vol. 2, Art. 'Indonesia'.
3. Ismail Hussein, *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), hlm. 14-15.
4. *Ibid.* hlm. 32.
5. Lihat Kang Kyoung Seock, "Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu", *Tesis Sarjana Sastera* di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1986, hlm. 2-4.

6. T. Muhammad Hassan, "Perkembangan Swapraja di Aceh Sampai Perang Dunia ke II", dalam *Bunga Rampai Tentang Aceh*, (Jakarta, 1980), hlm. 136.
7. Lihat Lutfi Abbas, "Kesan Pengaruh Islam dan Bahasa 'Arab ke atas Bahasa Melayu, dalam Hamdan Hassan (Ed.), *Islam dan Kebudayaan Kebangsaan*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1972), hlm. 112.
8. Lihat Khalid Hussain & N. Siahian, (Ed.), *Sumbangan Profesor J. Gronda Terhadap Penyelidikan Bahasa Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979), hlm. 1-2.
9. Ismail Hussein, *op.cit.*, hlm. 24.
10. Lihat Zainal Abidin (Za'ba), *Ilmu Mengarang Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965), hlm. 264-279.
11. Lihat Muhammad Abd al-Jabbar Beg, *Persian And Turkish Loan Words in Malay*, (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1981), hlm. Preface'
12. Lihat karyanya, *Arabic Loan Words In Malay: A Comparative Study*, (Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, 1979), hlm. XVII-XVIII.
13. *Ibid.*
14. Liew Yock Fang, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1975), hlm. 111; cf. Ismail Hussein, *Kepimpinan Dalam Kebudayaan*, (Petaling Jaya: Pustaka Budaya, 1983), hlm. 15.
15. Lihat Engku Ibrahim Ismail dan Osman Bakar, *Bibliografi Manuskrip Islam di Muzium Islam Malaysia*, Akademi Pengajian Melayu & Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, (Kuala Lumpur: MASKHA Sdn. Bhd., 1992), hlm. 42-94.
16. Lihat Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), hlm. 56; *idem*, "Sumbangan Islam Dalam Pembentukan Identiti Melayu", *Bengkel Islam, Bahasa dan Persuratan Melayu*, anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 25 April 1984.
17. Lembaga Penyelidikan Undang-undang, Perlembagaan Persekutuan, sehingga 15 Jun 1983, (Kuala Lumpur: Percetakan & Perniagaan Berlian Sdn. Bhd., 1988), hlm. 238-239, perkara 160(2).
18. Al-Hajj al-Syeikh 'Abbas al-Qummi, *Mafatih al-Jinan*, (Qumm: Dar al-Dhakha'ir t.t), hlm. 67.
19. Lihat Walter William Skeat, *Malay Magic*, (New York: Dover Publications, 1967), hlm. 653.
20. Lihat al-Ahزاب, 33: 33. Kebanyakan sarjana tafsir, hadith dan sejarawan Islam sepakat mengatakan bahawa *Ahl al-Bayt* di sini dimaksudkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.), 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husayn al-Syirazi, *Ahl al-Bayt Fi al-Qur'an*, (Tehran, 1979), hlm. 244-248; cf. Nasir al-Din b. Abi Sa'id b. 'Umar al-Syirazi al-Baydawi, *Anwar al-Tanzir wa Asrar al-Ta'wil*, Jilid 3 (Beirut: Dar Sadir, 1303H/1911M), hlm. 163.

21. R.O Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, (London: Oxford University Press, 1969), hlm. 2.
22. L.F Brakel, "Persian Influence On Malay Literature", *Abu Nahrain*, Vol. 9. (Tehran, 1962), hlm. 3.
23. "Kitab" di sini dimaksudkan kepada risalah-risalah mengenai agama yang ditulis secara prosa dan biasanya pendek, untuk dipelajari atau dihafal, Lihat H.A.R. Gibb & J.H Kramer, *Encyclopedia of Islam, New Edition* (Leiden: E.J. Brill, 1979), Vol. 3, hlm. 372-373.
24. "Hikayat" ialah nama terbitan daripada "haka-yahki" (Arab) yang pada asalnya bererti "meniru" dan kemudian dimaknakan kepada "memberitahu" atau "mencerita". Oleh itu, "hikayat" bermakna "cerita", "cerita lisan" atau "legenda".
25. L.F. Brakel, *op.cit.*, hlm. 3-4.
26. G. E. Marrison, "Persian Influence In Malay Life", *Journal of Malayan Branch Asiatic Society* (JMBRAS), Pt. 1, Vol. XXXVIII, (London, 1955), hlm. 61.
27. L.F. Brakel, *op.cit.*, hlm. 8.
28. *Ibid.*
29. *Ibid.*
30. L. F. Brakel, *op.cit.*, hlm. 8.
31. L. F. Brakel, *op.cit.*, hlm. 5.
32. Lihat Muhammad Yussof Hashim, "Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka di Abad ke-15/16 Masihi", *Islam di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), hlm. 4.
33. R.O. Winstedt, *A History Of Classical Malay Literature*, (London: Oxford University Press, 1969), hlm. 167.
34. R. O. Winstedt, *op.cit.*, hlm. 167.
35. Untuk maklumat terperinci, lihat R. O. Winstedt & Josselin de Jong, "Undang-undang Laut Melaka" dalam *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, (London, 1956), Vol. 29, Pt. 3, hlm. 28-48.
36. R. O. Winstedt, *op.cit.*, (1969), hlm. 169.
37. R. O. Winstedt, *op.cit.*, hlm. 170.
38. Lihat A. Teeuw, *The Malay Shairs: Problem of Origin and Tradition, Book I*, (Jakarta, 1966)hlm. 422-447.
39. R. O. Winstedt, *op.cit.*, hlm. 190.
40. A. Teeuw, *op.cit.*, hlm. 445.
41. L. F. Brakel, *op.cit.*, hlm. 10.